

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS : DAC 31802
PROGRAM : DIPLOMA KEJURUTERAAN
AWAM
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2015/JULAI 2015
MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN
SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LIMA (5)** MUKA SURAT

SULIT

SULIT

- S1.** Kontrak merupakan satu perjanjian diantara dua pihak, yang mana kedua-duanya bersedia untuk mengikut prosedur undang-undang.
- (a) Senaraikan **lima (5)** elemen kontrak binaan. (5 markah)
 - (b) Kaitan **tiga (3)** kelebihan borang kontrak setara dengan industri binaan. (12 markah)
 - (c) Huraikan **dua (2)** tujuan kontrak dalam industri pembinaan. (8 markah)
- S2.** **Rajah S2** merupakan iklan tender bagi satu cadangan projek pembinaan.
- (a) Kenalpasti dan terangkan **dua (2)** kebaikan jenis tender tersebut. (10 markah)
 - (b) Tentukan dan terangkan **lima (5)** maklumat penting yang ada dalam tender tersebut. (15 markah)
- S3.**
- (a) Terangkan perbezaan peranan kontraktor dalam kontrak binaan berikut;
 - (i) Kontrak Reka dan Bina (5 markah)
 - (ii) Kontrak Bina Operasi Serah (5 markah)
 - (iii) Kontrak Ukur dan Nilai (5 markah)
 - (b) Terangkan maksud Bayaran Kepada Kontraktor menurut Borang Kontrak JKR 203A. (3 markah)
 - (c) Huraikan kepentingan Wang Jaminan Pelaksanaan kepada kontraktor dan klien. (7 markah)
- S4.**
- (a) Terangkan kesesuaian penggunaan kaedah anggaran kos berikut;
 - (i) Kaedah isipadu (5 markah)
 - (ii) Kaedah kuantiti hampir (5 markah)

SULIT

(b) **Rajah S4** merupakan perincian pembinaan longkang kaki lima sebuah rumah, Kerja penggalian longkang tersebut akan dijalankan secara manual. Berdasarkan maklumat yang diberikan, jawab soalan berikut;

(i) Kirakan kos per m^3 kerja penggalian.

(8 markah)

(ii) Taksirkan kos keseluruhan kerja penggalian longkang tersebut.

(7 markah)

<u>Maklumat</u>	
<u>Kerja penggalian</u>	
Penggalian asas pad tidak melebihi 1.0m dalam	3.50jam/ m^3
Penggalian asas pad tidak melebihi 2.0m dalam	4.50jam/ m^3
Penggalian peparit tidak melebihi 1.0m dalam	2.75jam/ m^3
Penggalian peparit tidak melebihi 2.0m dalam	4.00jam/ m^3
<u>Pembuangan Tanah</u>	
Memuat, mengangkat dan membuang	1.50jam/ m^3
Memuat, mengangkat, menyimpan, menyelerak dan merata tanah	2.00jam/ m^3
<u>Kegemburan tanah</u>	
Tanah liat	20%
<u>Upah Buruh</u>	
1) Pekerja Mahir	: RM 60/hari
2) Buruh Am	: RM 40/hari
Pengurusan dan keuntungan : 20%	

S5. Terangkan perkara-perkara berikut;

(a) Dokumen Meja Tender

(5 markah)

(b) Perubahan Kerja

(5 markah)

(c) Angkatap Buruh

(5 markah)

(d) Borang Kontrak Piawai

(5 markah)

(e) Tempoh Sah Laku Tender

(5 markah)

-SOALAN TAMAT-

SULIT

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM II / 2014/2015
KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM : 3 DAA
KOD KURSUS : DAC31802



JABATAN KERJA RAYA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Projek (Pembayaran)	Taraf / Jenis Syarikat	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
Cawangan Kerja Bangunan Am, Ibu Pejabat JKR Malaysia	Pra Kelayakan Untuk Cadangan Membina Bangunan Pejabat RRIMINIS Melaka Yang Mengandungi Pejabat Pentadbiran, Dewan Serbaguna, Stor Barangan Rampasan Dan Kwarters Untuk Lembaga Getah Malaysia (LGM) Di Jasir, Melaka	Bumiputera T1	i) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred : G7, Kategori : B dan Pengkhususan : B04 ii) Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) iii) Pendaftaran kontraktor dengan CIDB dan PKK hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan iv) Mempunyai Sijil SCORE CIDB dengan minimum 3 bintang. v) Mempunyai Nett Worth melebihi RM 3.0 Juta atau Modal Pusingan melebihi RM 1.5 Juta atau Modal Mudah Cair melebihi RM 0.90 Juta vi) Mempunyai Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja Tertinggi yang disiapkan dalam tempoh lima (5) tahun lepas melebihi RM 4.5 Juta vii) Mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu serupa atau sebanding dengan skop kerja dalam tempoh lima (5) tahun lepas serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dalam melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan viii) Tidak mempunyai kerja semasa yang sakit dan tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyediaan projek dan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lepas adalah memuaskan	Caw. Pengurusan Perolehan & Harta, Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat Bawah, Blok A, Kem. Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur. Tarikh Dokumen Dijual: 7/11/2013 (Khamis) hingga 14/11/2013 (Khamis)	RM 50.00 Ketua Akauntan, Kem. Kerja Raya Malaysia	Caw. Pengurusan Perolehan & Harta, Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat Bawah, Blok A, Kem. Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur. Tarikh Tutup Tender: 21/11/2013 (Khamis) Waktu: 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil wakil kontraktor hendaklah membawa PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN atau KAD PERAKUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR. Salinan-salinan Perakuan dan/atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Bank Draft/Wang Pos/ Kiriman Wang Pos Sahaja.

* Jenis Pendaftaran:



- T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan (Warganegara)
- A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 - Tidak berkenaan.

RAJAH S2

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM II / 2014/2015
KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM : 3 DAA
KOD KURSUS : DAC31802



RAJAH S4